

Majlis perasmian Perlumbaan F1 gilang-gemilang

UM 18 MAR 2002

SEPANG 17 Mac — Perlumbaan kereta Formula Satu (F1) Grand Prix Malaysia Petronas 2002 dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuan-ku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dalam upacara gilang-gemilang dan penuh warna-warni di Litar F1, Sepang, hari ini.

Ketibaan Seri Paduka disambut oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ini kali pertama Dr. Mahathir tidak menghadiri upacara perasmian sejak Malaysia menjadi tuan rumah pada tahun 1999. Beliau kini berada di luar negara dalam rangka lawatan rasmi ke Rusia, Jerman dan Poland.

Majlis perasmian bermula pada pukul 12.15 tengah hari dengan semua pelumba F1 termasuk juara dunia empat kali, Michael Schumacher dari pasukan Ferrari menaiki 22 kereta vintaj mengelilingi litar.

Mengetuai mereka ialah Pengerusi Sepang International Circuit, Tan Sri Basir Ismail yang turut meman-

du kereta vintaj yang dinaiki oleh Tuanku Syed Sirajuddin.

Semua kereta vintaj berkenaan mempunyai kuasa 1,600 cc.

Selepas perarakan, Yang di-Pertuan Agong menyaksikan pertunjukan silat sembah dan tarian tradisional Melayu. Seri Paduka kemudian memalu gong dan menerima keris sebagai cenderamata daripada Basir.

Membanjiri

Kira-kira 80,000 penonton yang membanjiri litar turut diserikan dengan pertunjukan formasi udara oleh lima pesawat F/A 18D Hornets dari Skuadron Ke-18 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pesawat-pesawat ini dipilih kerana kebolehan melaksanakan formasi aerobatik. Pertunjukan diketuai oleh Leftenan Kolonel Suri Daud.

Sebaik sahaja upacara berakhir, Seri Paduka yang diiringi oleh Abdullah dan Basir dibawa bertemu dan diperkenalkan kepada semua pelumba F1 termasuk pelumba KL Minardi Asiatech, Alex Yoong dari Malaysia di petak permulaan.